

JENIS-JENIS PEMERIKSAAN

- i. **Pemeriksaan berkala:** Pemeriksaan secara terancang dan berterusan dari semasa ke semasa terhadap pemegang sijil pengesahan halal Malaysia bagi menilai kepatuhan terhadap pensijilan dan penggunaan logo halal serta piawaian halal.
- ii. **Pemeriksaan penguatkuasaan:** Pemeriksaan yang dilakukan oleh JAIN / JAKIM bersama agensi penguatkuasaan yang lain sama ada hasil daripada aduan awam atau aktiviti pemeriksaan berkala.
- iii. **Pemeriksaan susulan:** Pemeriksaan terhadap syarikat yang gagal mematuhi Prosedur Pensijilan Halal berdasarkan pemeriksaan terdahulu.
- iv. **Pemeriksaan berdasarkan aduan:** Dilakukan setelah menerima aduan awam mengenai penyalahgunaan logo / sijil pengesahan halal atau terdapat keraguan ke atas produk dan barang gunaan, premis makanan, rumah sembelihan, logistic atau syarikat yang telah diberikan sijil pengesahan halal, logo atau menggunakan perbendaharaan halal.